

ANALISIS PERBANDINGAN DI ANTARA KAEDAH BACAAN AL-QURAN TEKNIK *Iqra'* DAN *AL-BAGHDADI*

4.1 Pengenalan

Kajian ini secara khususnya ingin mengenalpasti kemampuan kanak-kanak membaca al-Quran dengan baik menerusi penguasaan mereka membaca al-Quran bagi teknik *Iqra'* dan *Al-Baghdadi* yang dipelajari di sekolah dan di pusat pengajian al-Quran masing-masing. Kemampuan penguasaan bacaan kanak-kanak ini diuji hanya di tahap asas bacaan al-Quran sahaja dan ianya bersesuaian dengan sukatan pengajian teknik *Iqra'* dan *Al-Baghdadi* beserta tahap umur sampel kajian. Tahap penguasaan yang diuji terbahagi kepada empat bahagian iaitu:

1. Keupayaan menyebut huruf *Hijāiyyah* dan tanda baris yang pelbagai merangkumi baris di atas (*fathah*), baris di bawah (*kasrah*), baris di hadapan (*dammah*), baris dua di atas (*fathatain*), baris dua di bawah (*kasratain*) dan baris dua di hadapan (*dammatain*).
2. Keupayaan membaca perkataan atau kalimah.
3. Keupayaan membaca ayat al-Quran.
4. Keupayaan membaca ayat dengan hukum tajwid.

Oleh yang demikian, instrumen kajian yang dijalankan bagi mengukur tahap kemampuan pelajar dalam menguasai kemahiran asas bacaan al-Quran adalah berdasarkan soal selidik dan ujian lisan (*shafawi*) al-Quran bagi setiap responden.

4.1.1 Sampel Kajian

Seramai 30 orang murid Tahun Dua dan Tahun Tiga di SK Segambut, KL telah dipilih secara rawak mudah bagi mewakili teknik *Iqra'*. Pemilihan murid-murid Tahun Dua dan Tahun Tiga ini adalah untuk memberi imbalan tahap umur dengan responden di ATCKL. Walaubagaimanapun, pelajar Tahun Satu tidak dipilih di dalam kajian ini disebabkan mereka belum pun tamat mempelajari teknik *Iqra'* berdasarkan sukatan KSSR yang menetapkan tempoh bagi menamatkan *Iqra'* 1 hingga *Iqra'* 6 adalah selama 38 minggu.

Bagi teknik *Al-Baghdadi* pula, penulis juga telah memilih secara rawak mudah terhadap seramai 30 orang pelajar di ATCKL di antara umur 6 hingga 9 tahun. Sekalipun penulis memilih responden yang berumur 6 dan 7 tahun di ATCKL, mereka telahpun tamat menjalani tempoh pengajian asas teknik *Al-Baghdadi* selama 2 hingga 3 bulan. Justeru, penulis berpendapat mereka sesuai dijadikan sebagai responden dalam kajian ini. Manakala responden berumur 8 dan 9 tahun dipilih adalah untuk memberi imbalan tahap umur dengan responden di SK Segambut, KL. Pengedaran soal-selidik dan ujian lisan (*shafawi*) al-Quran terhadap 60 orang responden di kedua-dua lokasi kajian pula telah dijalankan pada 20-23 Mei 2013. Bagi responden di SK Segambut, KL, pengedaran soal selidik dan ujian lisan (*shafawi*) al-Quran dilakukan pada waktu siang persekolahan manakala responden di ATCKL adalah di waktu malam kelas pengajian mereka.

4.1.2 Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, penulis telah menentukan beberapa instrumen yang akan digunakan iaitu rekod pencapaian bacaan al-Quran pelajar di SK Segambut, KL, satu set soal selidik dan ujian lisan (*shafawi*). Set soal selidik telah diadaptasi melalui disertasi Maslina Muhammad yang bertajuk 'Kaedah Hattawiyah Dalam Pengajaran al-Quran; Kajian Terhadap

Keberkesanan Pelaksanaannya di Sekolah-sekolah Menengah Daerah Perak Tengah, Perak'.²⁷⁰ Manakala soalan dari set ujian lisan (*shafawi*) dibina sendiri oleh penulis yang merangkumi tahap pencapaian yang ingin dikaji dan telahpun mendapat kesahan pakar²⁷¹ dalam bidang al-Quran.

4.2 Hipotesis Kajian

Terdapat sebanyak empat hipotesis kajian yang telah penulis tentukan bagi mencapai objektif yang penulis kehendaki. Keempat-empat hipotesis nul tersebut adalah:

H₀¹: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara teknik *Iqra'* dan teknik *Al-Baghdadi* dari sudut keupayaan menyebut huruf *Hijāiyyah* dan tanda baris.

H₀²: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara teknik *Iqra'* dan teknik *Al-Baghdadi* dari sudut keupayaan membaca perkataan atau kalimah.

H₀³: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara teknik *Iqra'* dan teknik *Al-Baghdadi* dari sudut keupayaan membaca ayat al-Quran.

H₀⁴: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara teknik *Iqra'* dan teknik *Al-Baghdadi* dari sudut keupayaan membaca ayat dengan hukum tajwid.

4.3 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Dalam konteks penyelidikan, kesahan merujuk kepada mengukur apa yang sepatutnya diukur (Kerlinger, 1986). Dengan erti kata yang lain, instrumen penyelidikan yang digunakan haruslah mampu mengukur dengan tepat apa yang ingin diukur.²⁷² Justeru,

²⁷⁰ Maslina Muhammad, "Kaedah Hattawiyah Dalam Pengajaran al-Qur'an; Kajian Terhadap Keberkesanan Pelaksanaannya di Sekolah-sekolah Menengah Daerah Perak Tengah, Perak", (Disertasi, Universiti Malaya, 2006).

²⁷¹ Sila lihat surat perakuan dari pakar-pakar di bidang al-Quran di ruangan lampiran.

²⁷² Noraini, *Penyelidikan Dalam Pendidikan*, 164.

sesuatu instrumen yang ditentukan akan mempunyai kesahan yang tinggi sekiranya darjah kebolehan instrumen tersebut untuk mengukur apa yang sepatutnya diukur adalah tinggi.

Bagi menilai kebolehpercayaan pula, kaedah yang sering digunakan adalah dengan mengira pekali kebolehpercayaan alfa *Cronbach* untuk statistik kebolehpercayaan instrumen kajian. Dalam statistik kebolehpercayaan instrumen kajian menggunakan pekali alfa *Cronbach*, nilai alfa .65 hingga .95 dianggap memuaskan kerana nilai yang terlalu rendah menunjukkan keupayaan item-item instrumen kajian mengukur konsep dalam kajian adalah rendah manakala nilai alfa yang terlalu tinggi pula mungkin menunjukkan semua item adalah serupa atau bertindih antara satu sama lain dan menggunakan item-item yang bertindih antara satu sama lain adalah tidak diperlukan.²⁷³ Walaubagaimanapun, dalam kajian ini, penulis tidak menggunakan kebolehpercayaan instrumen kajian disebabkan penulis hanya menilai keupayaan responden berdasarkan skor markah keseluruhan mereka sedangkan alfa *Cronbach* digunakan untuk instrumen yang berskala pelbagai (*multipoint-scaled items*) seperti skala Likert, Thurstone, Guttman atau *Semantic Differential & Kuder-Richardson* digunakan untuk instrumen yang mempunyai item dikotomi.²⁷⁴

4.3.1 Ujian Rintis

Bagi mendapatkan kesahan terhadap instrumen kajian ini, penulis telah melakukan ujian rintis kepada seramai 30 orang murid Tahun 2 dan 3 di Sekolah Rendah Tahfiz Darul Furqan, Kampung Padang Balang, Sentul, Kuala Lumpur pada 17 dan 18 April 2013 dengan dibantu oleh Ustazah Suhaizan binti Sulaiman. Menariknya, sekolah ini menggunakan teknik *Al-Barqy* sebagai pengenalan asas bacaan al-Quran terhadap murid-murid yang berumur di antara 4 hingga 7 tahun. Ujian rintis yang dijalankan bertujuan

²⁷³ Chua Yan Piaw, *Asas Statistik Penyelidikan*, (Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn.Bhd, t.t), 2:84.

²⁷⁴ Noraini, *Penyelidikan Dalam Pendidikan*, 170.

untuk mengenalpasti serta mengesan kekurangan dan kelemahan soal-selidik yang dibina. Selain itu, penulis turut mendapatkan kesahan pakar seramai tiga orang yang terdiri dari mereka yang pakar dalam bidang pengajian al-Quran terhadap instrumen soal selidik dan soalan ujian lisan (*shafawi*).

Dari sudut pelaksanaan instrumen kajian, penulis sendiri telah menyoal soalan soal selidik kepada semua responden tanpa membenarkan mereka menanda sendiri pilihan jawapan masing-masing kerana dibimbangi soalan yang dikemukakan tidak difahami oleh responden. Manakala penilaian ujian lisan (*shafawi*) pula dinilai sendiri juga oleh penulis di samping merekodkan kesemua bacaan responden. Ini adalah kerana penulis berpengalaman di bidang pendidikan al-Quran selama lebih lima tahun di samping merupakan pensyarah tahfiz di Darul Qur'an, Jakim, Kuala Kubu Baru, Selangor. Walaubagaimanapun, penulis turut mendapatkan pandangan panel-panel qiraah yang dilantik untuk menilai bacaan dan markah yang telah penulis diberikan.

4.3.2 Ujian –t

Ujian –t merupakan ujian statistik inferensi yang digunakan untuk membandingkan dua atau lebih daripada dua kumpulan data selang atau nisbah.²⁷⁵ Oleh demikian, kaedah analisis data bagi reka bentuk kajian berbentuk perbandingan adalah dengan ujian –t.²⁷⁶ Melalui ujian –t, penulis dapat mengetahui adakah wujud perbezaan yang signifikan di antara responden yang mempelajari asas bacaan al-Quran menerusi teknik *Iqra'* dan teknik *Al-Baghdadi* dari sudut tahap keupayaan mereka menyebut huruf *Hijāiyyah* dan tanda baris, membaca perkataan atau kalimah, membaca ayat al-Quran dan membaca ayat dengan

²⁷⁵ Chua, *Asas Statistik Penyelidikan*, 111.

²⁷⁶ Noraini, *Penyelidikan Dalam Pendidikan*, 254.

hukum tajwid. Justeru, penulis telah menetapkan aras signifikan ujian t adalah pada aras keertian $\alpha = 0.05$.

4.3.3 Skala Pemarkahan Ujian

Skala pemarkahan ujian lisan (*shafawi*) al-Quran adalah merujuk kepada Instrumen Penilaian Tilawah Al-Quran KBSR yang ditetapkan oleh Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia 2001 serta adaptasi dari tesis Sarjana Yusman Nasir bertajuk ‘Penguasaan Kemahiran Membaca al-Quran Menerusi Sistem Qiraati di Taman Qiraati Kawasan Kajang dan Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan’²⁷⁷. Namun, pengubahsuaian dilakukan agar ianya sesuai dengan kehendak ukuran capaian yang ingin dikaji. Skor yang telah diperolehi oleh responden akan diberikan gred kepada tiga tahap bacaan al-Quran seperti berikut:

Jadual 4.1 Pengkategorian keseluruhan keputusan bacaan al-Quran

| <i>Gred</i> | <i>Markah</i> | <i>Deskripsi Tahap Pencapaian</i> |
|---------------|---------------|--|
| A (Baik) | 70-100 | Boleh membaca dengan fasih, lancar dan berdasarkan hukum tajwid |
| B (Sederhana) | 35-69 | Boleh membaca dengan kefasihan dan kelancaran yang sederhana serta tidak mengikut hukum tajwid |
| C (Lemah) | 1-34 | Tidak fasih/lancar membaca dan tidak mengikut hukum tajwid |

Skor markah ujian lisan (*shafawi*) al-Quran diadaptasi dari Yusman Nasir

4.4 Analisis Dapatan Soal Selidik Responden

Secara keseluruhan, kajian ini hanya melibatkan seramai 60 orang responden iaitu 30 orang responden dari SK Segambut, KL dan 30 orang responden dari ATCKL. Dapatan kajian

²⁷⁷ Yusman Nasir, “Penguasaan Kemahiran Membaca al-Qur’an Menerusi Sistem Qiraati di Taman Qiraati Kawasan Kajang dan Bandar Baru Bangi, Selangor” (Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005).

dari soal-selidik yang ditanya serta ujian bacaan yang dinilai sendiri oleh penulis dapat disimpulkan seperti keterangan di bawah.

4.4.1 Profile Responden

Untuk menganalisis latarbelakang responden di SK Segambut, KL dan di ATCKL, penulis telah menggunakan pendekatan analisis deskriptif yang merangkumi peratusan, min dan sisihan piawaian (SD) bagi melihat peratus dan bilangan responden terhadap empat tahap keupayaan yang dikaji. Hasil analisis soal selidik yang telah dijalankan dapat dirumuskan seperti berikut:

i. Jantina Responden

Jadual 4.2 Jantina Responden

| <i>Tempat Pengajian</i> | <i>Kekerapan (Lelaki)</i> | | <i>Kekerapan (Perempuan)</i> | | <i>Jumlah</i> | |
|-------------------------|---------------------------|------------|------------------------------|------------|---------------|-------------|
| | | | | | | |
| SKSKL | 12 | 20% | 18 | 30% | 30 | 50% |
| ATCKL | 18 | 30% | 12 | 20% | 30 | 50% |
| <i>Jumlah</i> | 30 | 50% | 30 | 50% | 60 | 100% |

Sumber: Soal selidik, 20-23 Mei 2013

Berdasarkan kepada jadual 4.2 di atas, seramai 12 orang responden lelaki (20%) dan 18 orang responden perempuan (30%) dipilih dari SK Segambut, KL, manakala di ATCKL pula, seramai 18 orang responden lelaki (30%) dan 12 orang responden perempuan (20%) telah dipilih di dalam kajian ini yang menjadikan jumlah keseluruhan responden adalah seramai 60 orang.

ii. Umur Responden

Jadual 4.3 Umur Responden

| <i>Tempat Pengajian</i> | <i>6 tahun</i> | | <i>7 tahun</i> | | <i>8 tahun</i> | | <i>9 tahun</i> | | <i>Jumlah</i> | |
|-------------------------|----------------|-------------|----------------|--------------|----------------|------------|----------------|------------|---------------|-------------|
| | | | | | | | | | | |
| SKSKL | - | - | - | - | 18 | 30% | 12 | 20% | 50 | 50% |
| ATCKL | 5 | 8.3% | 10 | 16.7% | 9 | 15% | 6 | 10% | 50 | 50% |
| <i>Jumlah</i> | 5 | 8.3% | 10 | 16.7% | 27 | 45% | 18 | 30% | 100 | 100% |

Sumber: Soal selidik, 20-23 Mei 2013

Jadual 4.3 di atas menunjukkan umur responden mengikut lokasi kajian yang menerangkan bahawa sebanyak 30% (18 orang responden) berumur dalam lingkungan 8 tahun dan 20% (12 orang responden) berumur 9 tahun di SK Segambut, KL, manakala sebanyak 8.3% (5 orang responden) di ATCKL berumur sekitar 6 tahun, 16.7% (10 orang responden) berumur 7 tahun, 15% (9 orang responden) berumur 8 tahun dan sebanyak 10% (6 orang responden) berumur 9 tahun.

4.4.2 Maklumat Latarbelakang Bacaan al-Quran Responden

Berikut pula merupakan keterangan lanjut mengenai maklumat latarbelakang bacaan al-Quran responden yang dapat dirumuskan seperti berikut:

i. Bilakah mula belajar membaca al-Quran

Jadual 4.4 Umur Mula Belajar Membaca al-Quran

| <i>Tempat Pengajian</i> | <i>4 tahun</i> | | <i>5 tahun</i> | | <i>6 tahun</i> | | <i>7 tahun ke atas</i> | | <i>Jumlah</i> | |
|-------------------------|----------------|--------------|----------------|--------------|----------------|--------------|------------------------|--------------|---------------|-------------|
| SKSKL | 3 | 5% | 4 | 6.7% | 15 | 25% | 8 | 13.3% | 50 | 50% |
| ATCKL | 5 | 8.3% | 3 | 5% | 13 | 21.7% | 9 | 15% | 50 | 50% |
| <i>Jumlah</i> | 8 | 13.3% | 7 | 11.7% | 27 | 46.7% | 14 | 28.3% | 100 | 100% |

Sumber: Soal selidik, 20-23 Mei 2013

Jadual di atas menunjukkan pada umur bilakah responden memulakan pengajian belajar membaca al-Quran yang boleh diterjemahkan sebagai seramai 3 orang responden (5%) di SK Segambut, KL memulakan pengajian bacaan al-Quran mereka pada umur 4 tahun, 4 orang responden (6.7%) berumur 5 tahun, 15 orang responden (25%) berumur 6 tahun dan 8 orang responden (13.3%) memulakan pengajian bacaan al-Quran mereka bermula umur 7 tahun ke atas. Di ATCKL pula, 5 orang responden (8.3%) memulakan pengajian bacaan al-Quran bermula umur 4 tahun, 3 orang responden (5%) berumur 5 tahun, 13 orang responden (21.7%) berumur 6 tahun dan 9 orang responden (15%) yang memulakan pengajian bacaan al-Quran mereka pada umur 7 tahun ke atas.

Kesimpulannya, responden yang memulakan pengajian asas bacaan al-Quran di awal usia iaitu 4 tahun dengan jumlah keseluruhan responden adalah 8 orang (13.3%) hakikatnya menunjukkan tahap kesedaran ibubapa adalah tinggi sekalipun ada dalam kalangan mereka yang mengajar sendiri anak-anak mereka atau sebaliknya.

ii. Individu pertama yang mengajar membaca al-Quran.

Jadual 4.5 Individu Pertama Mengajar Membaca al-Quran

| <i>Tempat Pengajian</i> | <i>Ibu bapa</i> | | <i>Penjaga</i> | | <i>Guru</i> | | <i>Jumlah</i> | |
|-------------------------|-----------------|--------------|----------------|-------------|-------------|--------------|---------------|-------------|
| SKSKL | 11 | 18.3% | 2 | 3.4% | 17 | 28.3% | 30 | 50% |
| ATCKL | 9 | 15% | - | - | 21 | 35% | 30 | 50% |
| <i>Jumlah</i> | 20 | 33.3% | 2 | 3.4% | 38 | 63.3% | 60 | 100% |

Sumber: Soal selidik, 20-23 Mei 2013

Merujuk jadual 4.5, sebanyak 18.3% (11 orang responden) di SK Segambut, KL diajar oleh ibubapa mereka di peringkat awal membaca al-Quran, 3.4% (2 orang responden) diajar oleh penjaga, dan sebanyak 28.3% (17 orang responden) diajar oleh guru untuk membaca al-Quran. Manakala di ATCKL, sebanyak 33.3% (9 orang responden) diajar oleh ibubapa, tiada seorang responden yang diajar oleh penjaga dan 35% (21 orang responden) diajar oleh guru mereka.

Jelaslah di sini menunjukkan bahawa guru lebih banyak memainkan peranan dalam usaha memperkenalkan asas bacaan al-Quran kepada responden berbanding ibubapa dan penjaga mereka dengan jumlah keseluruhan responden di kedua-dua lokasi yang dikaji adalah seramai 38 orang (63.3%).

iii. Pendidikan awal membaca al-Quran.

Jadual 4.6 Pendidikan Awal Membaca al-Quran

| <i>Tempat</i> | <i>SKSKL</i> | | <i>ATCKL</i> | | <i>JUMLAH</i> | |
|----------------------|--------------|------------|--------------|------------|---------------|-------------|
| Rumah | 10 | 16.7% | 8 | 13.3% | 18 | 30% |
| Tadika | 10 | 16.7% | 11 | 18.4% | 21 | 35.1% |
| Sekolah | 8 | 13.3% | 7 | 11.7% | 15 | 25% |
| Surau | 2 | 3.3% | 2 | 3.3% | 4 | 6.6% |
| ATCKL | - | - | 2 | 3.3% | 2 | 3.3% |
| <i>Jumlah</i> | 30 | 50% | 30 | 50% | 60 | 100% |

Sumber: Soal selidik, 20-23 Mei 2013

Jadual 4.6 di atas menjelaskan seramai 10 orang responden (16.7%) dari SK Segambut, KL mendapat pendidikan awal membaca al-Quran di rumah, 10 orang responden (16.7%) di tadika, 8 orang responden (13.3%) di sekolah dan 2 orang responden (3.3%) di surau. Manakala seramai 8 orang responden (13.3%) di ATCKL menerima pendidikan awal membaca al-Quran di rumah, 11 orang responden (18.4%) di tadika, 7 orang responden (11.7%) di sekolah, 2 orang responden (3.3%) di surau dan 2 orang responden (3.3%) di ATCKL. Secara keseluruhannya, pendidikan awal membaca al-Quran yang paling banyak diterima oleh responden di SK Segambut, KL dan ATCKL adalah dari tadika dengan jumlah peratusan 35.1% (21 orang responden).

iv. Teknik belajar membaca al-Quran yang responden terima ketika itu.

Jadual 4.7 Teknik Belajar Membaca al-Quran Yang Diterima

| <i>Teknik</i> | <i>SKSKL</i> | | <i>ATCKL</i> | | <i>JUMLAH</i> | |
|----------------------|--------------|------------|--------------|------------|---------------|-------------|
| Baghdādiyyah | 11 | 18.3% | 8 | 13.3% | 19 | 31.6% |
| Qirāati | 1 | 1.7% | 2 | 3.3% | 3 | 5% |
| Al-Barqy | - | - | 1 | 1.7% | 1 | 1.7% |
| Iqra' | 17 | 28.3% | 16 | 26.7% | 33 | 55% |
| Lain-lain | 1 | 1.7% | 3 | 5% | 4 | 6.7% |
| <i>Jumlah</i> | 30 | 50% | 30 | 50% | 60 | 100% |

Sumber: Soal selidik, 20-23 Mei 2013

Merujuk kepada jadual 4.7 di atas, sebanyak 18.3% (11 orang responden) di SK Segambut, KL mempelajari teknik *Baghdadiyyah* di awal pengajian membaca al-Quran

mereka, 1.7% (seorang responden) mempelajari teknik *Qiraati*, 28.3% (17 orang responden) mempelajari teknik *Iqra'* dan baki 1.7% (seorang responden) mempelajari lain-lain teknik dari yang dinyatakan. Manakala di ATCKL pula, sebanyak 13.3% (8 orang responden) mempelajari teknik *Baghdadiyyah*, 3.3% (2 orang responden) mempelajari teknik *Qiraati*, 1.7% (seorang responden) mempelajari teknik *al-Barqy*, 26.6% (16 orang responden) mempelajari teknik *Iqra'* dan baki 5% (3 orang responden) mempelajari lain-lain dari teknik bacaan al-Quran yang telah dinyatakan. Oleh yang demikian, dari keseluruhan teknik asas membaca al-Quran yang disenaraikan, seramai 33 orang responden (55%) di kedua-dua lokasi kajian adalah paling ramai mempelajari teknik *Iqra'* di peringkat awal belajar membaca al-Quran.

4.4.3 Maklumat bacaan al-Quran responden di SK Segambut, KL/ATCKL

Keterangan berikut adalah mengenai maklumat bacaan al-Quran responden yang dipelajari dan diterima di SK Segambut, KL dan di ATCKL.

- i. Adakah responden dapat memahami teknik belajar membaca al-Quran yang dipelajari kini.

Jadual 4.8 Pemahaman Terhadap Teknik Belajar Membaca al-Quran Yang Dipelajari

| <i>Tempat Pengajian</i> | <i>Ya</i> | | <i>Tidak</i> | | <i>Jumlah</i> | |
|-------------------------|-----------|-------------|--------------|-----------|---------------|-------------|
| SKSKL | 30 | 50% | - | - | 30 | 50% |
| ATCKL | 30 | 50% | - | - | 30 | 50% |
| <i>Jumlah</i> | 60 | 100% | - | 0% | 60 | 100% |

Sumber: Soal selidik, 20-23 Mei 2013

Jadual di atas menunjukkan kesemua responden dari dua lokasi yang dikaji memahami teknik bacaan al-Quran yang dipelajari di tempat pengajian masing-masing iaitu 30 responden (50%) memahami teknik *Iqra'* dan 30 responden (50%) memahami teknik *Al-*

Baghdadi. Justeru, kesemua responden memahami teknik belajar membaca al-Quran yang dipelajari samada di sekolah atau pusat pengajian al-Quran masing-masing.

- ii. Setelah diperkenalkan teknik *Iqra' / Al-Baghdadi*, adakah anda dapat menerima teknik tersebut?

Jadual 4.9 Penerimaan Terhadap Teknik Yang Dipelajari

| <i>Tempat Pengajian</i> | <i>Ya</i> | | <i>Tidak</i> | | <i>Hanya sebahagian</i> | | <i>Jumlah</i> | |
|-------------------------|-----------|------------|--------------|-----------|-------------------------|------------|---------------|-------------|
| SKSKL | 16 | 26.7% | - | - | 14 | 23.3% | 30 | 50% |
| ATCKL | 20 | 33.3% | - | - | 10 | 16.7 | 30 | 50% |
| <i>Jumlah</i> | 36 | 60% | - | 0% | 24 | 40% | 60 | 100% |

Sumber: Soal selidik, 20-23 Mei 2013

Merujuk kepada jadual 4.9 di atas, dapat disimpulkan bahawa seramai 16 orang responden (26.7%) di SK Segambut, KL dapat menerima teknik *Iqra'* yang diajarkan di sekolah dan 14 orang responden (23.3%) dapat menerima hanya sebahagian sahaja teknik yang dipelajarinya. Tiada seorang responden dalam kalangan mereka yang tidak menerima keseluruhan teknik *Iqra'* yang diajarkan. Di ATCKL pula, seramai 20 orang responden (33.3%) menerima teknik yang diajarkan iaitu teknik *Al-Baghdadi*, tiada dalam kalangan mereka yang tidak menerima teknik *Al-Baghdadi* dan seramai 10 orang responden (16.7%) yang hanya menerima sebahagian sahaja teknik yang dipelajari. Kesimpulannya, lebih dari separuh responden dengan jumlah seramai 36 orang (60%) menerima keseluruhan teknik yang dipelajari masing-masing.

- iii. Adakah guru yang mengajar responden al-Quran di SK Segambut, KL/ATCKL membantu anda untuk pandai membaca al-Quran?

Jadual 4.10 Guru Bantu Pandai Membaca al-Quran

| <i>Tempat Pengajian</i> | <i>Item</i> | <i>Sangat Tidak Setuju</i> | <i>Tidak Setuju</i> | <i>Tidak Pasti</i> | <i>Setuju</i> | <i>Sangat Setuju</i> |
|-------------------------|------------------------------------|----------------------------|---------------------|--------------------|---------------|----------------------|
| SKSKL | Guru Bantu Pandai Membaca al-Quran | - 0% | - 0% | 7 11.6% | 10 16.7% | 13 21.7% |
| ATCKL | | - 0% | - 0% | 1 1.7% | 22 36.7% | 7 11.6% |

Sumber: Soal selidik, 20-23 Mei 2013

Jadual di atas menjelaskan bahawa tiada dalam kalangan responden dari SK Segambut, KL mahupun dari ATCKL yang memberi respon sangat tidak setuju dan tidak setuju guru membantu pelajar untuk pandai membaca al-Quran. Namun, bagi responden di SK Segambut, KL, seramai 7 orang responden (11.6%) menyatakan tidak pasti, 10 orang responden (16.7%) berpendapat setuju dan 13 orang responden (21.7%) berpendapat bahawa mereka sangat setuju guru membantu pelajar untuk pandai membaca al-Quran. Manakala di ATCKL pula, seramai seorang responden (1.7%) berpendapat tidak pasti, 22 orang responden (36.7%) berpendapat setuju dan selebihnya 7 orang responden (11.6%) berpendapat sangat setuju dengan kenyataan tersebut.

- iv. Bagi pendapat responden, proses belajar membaca al-Quran adalah sesuatu yang:

Jadual 4.11 Pendapat Mengenai Proses Belajar al-Quran

| <i>Tempat Pengajian</i> | <i>Item</i> | <i>Amat Susah</i> | <i>Susah</i> | <i>Biasa Sahaja</i> | <i>Mudah</i> | <i>Amat Mudah</i> |
|-------------------------|---|-------------------|--------------|---------------------|--------------|-------------------|
| SKSKL | Pendapat Mengenai Proses Belajar al-Quran | - 0% | 4 6.7% | 14 23.3% | 11 18.3% | 1 1.7% |
| ATCKL | | - 0% | - 0% | 5 8.3% | 17 28.3% | 8 13.4% |

Sumber: Soal selidik, 20-23 Mei 2013

Dapatan dari soal selidik jadual 4.11 di atas menerangkan bahawa seramai 4 orang responden (6.7%) di SK Segambut, KL berpendapat bahawa proses belajar membaca al-

Quran adalah sesuatu yang susah, 14 orang responden (23.3%) berpendapat ianya sesuatu yang biasa sahaja, 11 orang responden (18.3%) berpendapat mudah dan seorang responden (1.7%) berpendapat proses belajar membaca al-Quran sesuatu yang amat mudah serta tiada seorang pun dalam kalangan mereka yang berpendapat ianya sesuatu yang amat susah. Di ATCKL, tiada dalam kalangan responden yang berpendapat bahawa proses belajar membaca al-Quran sesuatu yang amat susah dan susah, tetapi 5 orang responden (8.3%) berpendapat ianya sesuatu yang biasa sahaja, 17 orang responden (28.3%) berpendapat ianya mudah dan 8 orang responden (13.4%) berpendapat ianya sesuatu yang amat mudah. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa masih ada dalam kalangan responden yang mengatakan proses belajar al-Quran sesuatu yang susah iaitu seramai 4 orang responden (6.7%) dari SK Segambut, KL.

- v. Apakah perasaan responden sepanjang belajar membaca al-Quran menggunakan teknik *Iqra' / Al-Baghdadi* ini?

Jadual 4.12 Perasaan Responden Sepanjang Mempelajari Teknik *Iqra' / Al-Baghdadi*

| <i>Tempat Pengajian</i> | <i>Item</i> | <i>Sangat Tidak Seronok</i> | <i>Tidak Seronok</i> | <i>Kurang Seronok</i> | <i>Seronok</i> | <i>Sangat Seronok</i> |
|-------------------------|--|-----------------------------|----------------------|-----------------------|----------------|-----------------------|
| SKSKL | Perasaan Responden Sepanjang Mempelajari Teknik <i>Iqra' / Al-Baghdadi</i> | - 0% | 1 1.7% | 1 1.7% | 18 30% | 10 16.6% |
| ATCKL | | - 0% | - 0% | - 0% | 8 13.4% | 22 36.6% |

Sumber: Soal selidik, 20-23 Mei 2013

Merujuk kepada jadual 4.12 di atas, dapat disimpulkan bahawa tiada seorang dalam kalangan responden dari kedua-dua lokasi yang berpendapat sangat tidak seronok mempelajari teknik belajar membaca al-Quran yang dipelajari di lokasi masing-masing. Namun, di SK Segambut, KL, seorang reponden (1.7%) berpendapat tidak seronok, seorang reponden (1.7%) berpendapat kurang seronok, 18 orang responden (30%) berpendapat

ianya seronok dan 10 orang responden (16.6%) berpendapat sangat seronok. Responden di ATCKL pula berpendapat seronok mempelajari teknik *Al-Baghdadi* iaitu seramai 8 orang responden (13.4%) dan selebihnya seramai 22 orang responden (36.6%) menyatakan bahawa mereka merasakan sangat seronok mempelajari teknik *Al-Baghdadi*. Oleh demikian, responden teknik *Al-Baghdadi* lebih seronok mempelajari al-Quran berbanding responden teknik *Iqra*'.

4.4.4 Maklumat bacaan al-Quran responden di rumah

- i. Adakah responden mempunyai jadual waktu terancang untuk membaca al-Quran di rumah?

Jadual 4.13 Jadual Waktu Terancang Membaca al-Quran di Rumah

| <i>Tempat Pengajian</i> | <i>Ya</i> | | <i>Tidak</i> | | <i>Jumlah</i> | |
|-------------------------|-----------|--------------|--------------|-------------|---------------|-------------|
| SKSKL | 29 | 48.3% | 1 | 1.7% | 30 | 50% |
| ATCKL | 26 | 43.3% | 4 | 6.7% | 30 | 50% |
| Jumlah | 55 | 91.6% | 5 | 8.4% | 60 | 100% |

Sumber: Soal selidik, 20-23 Mei 2013

Jadual di atas menunjukkan 29 orang responden (48.3%) dari SK Segambut, KL mempunyai jadual waktu yang terancang untuk membaca al-Quran di rumah masing-masing dan seramai seorang responden (1.7%) tidak mempunyai jadual waktu terancang, manakala seramai 26 orang responden (43.3%) dari ATCKL mempunyai jadual waktu terancang di rumah dan 4 orang responden (6.7%) tidak mempunyai jadual waktu terancang untuk membaca al-Quran di rumah. Keseluruhannya, seramai 55 orang responden (91.6%) dari kedua-dua lokasi kajian mempunyai jadual waktu terancang membaca al-Quran di rumah.

- ii. Bilakah masa yang digunakan untuk membaca al-Quran di rumah?

Jadual 4.14 Masa Membaca al-Quran Di Rumah

| <i>Waktu</i> | <i>SKSKL</i> | | <i>ATCKL</i> | | <i>JUMLAH</i> | |
|-----------------------|--------------|------------|--------------|------------|---------------|-------------|
| Pagi | - | - | - | - | - | 0% |
| Petang | 10 | 16.6% | 13 | 21.6% | 23 | 38.2% |
| Selepas solat Maghrib | 18 | 30% | 12 | 20% | 30 | 50% |
| Tidak menentu | 1 | 1.7% | 1 | 1.7% | 2 | 3.4% |
| Tiada | 1 | 1.7% | 4 | 6.7% | 5 | 8.4% |
| Jumlah | 30 | 50% | 30 | 50% | 60 | 100% |

Sumber: Soal selidik, 20-23 Mei 2013

Jadual 4.14 di atas menunjukkan waktu yang digunakan oleh responden untuk membaca al-Quran di rumah mereka. Huraianya adalah seramai 10 orang responden (16.6%) dari SK Segambut, KL yang membaca al-Quran di waktu petang, 18 responden (30%) membaca selepas solat Maghrib, seorang responden (1.7%) membaca al-Quran pada waktu yang tidak menentu dan seorang responden (1.7%) tidak membaca al-Quran di rumah. Manakala seramai 13 orang responden (21.6%) dari ATCKL membaca al-Quran di sebelah petang, 12 orang responden (30%) membacanya selepas solat Maghrib, seorang responden (1.7%) membaca al-Quran di waktu yang tidak menentu serta 4 orang responden (6.7%) tidak membaca al-Quran di rumah. Oleh demikian, kebanyakan responden seramai 30 orang (50%) membaca al-Quran selepas solat Maghrib.

- iii. Adakah ibubapa/penjaga responden memberi bimbingan untuk responden membaca al-Quran di rumah?

Jadual 4.15 Iubapa/Penjaga Membimbing Membaca al-Quran Di Rumah

| <i>Tempat Pengajian</i> | <i>Selalu</i> | | <i>Kadang-kadang</i> | | <i>Jarang</i> | | <i>Tiada</i> | | <i>Jumlah</i> | |
|-------------------------|---------------|--------------|----------------------|--------------|---------------|--------------|--------------|--------------|---------------|-------------|
| SKSKL | 14 | 23.3% | 8 | 13.4% | 3 | 5% | 5 | 8.3% | 30 | 50% |
| ATCKL | 17 | 28.3% | 6 | 10% | 5 | 8.3% | 2 | 3.4% | 30 | 50% |
| Jumlah | 31 | 51.6% | 14 | 23.4% | 8 | 13.3% | 7 | 11.7% | 60 | 100% |

Sumber: Soal selidik, 20-23 Mei 2013

Jadual 4.15 menunjukkan sejauhmana ibubapa/penjaga responden membimbing anak-anak mereka untuk membaca al-Quran di rumah. Di SK Segambut, KL, seramai 14 orang responden (23.3%) menyatakan selalu memperoleh bimbingan dari ibubapa/penjaga mereka untuk membaca al-Quran di rumah, 8 orang responden (13.4%) menyatakan kadang-kadang, 3 orang responden (5%) menyatakan jarang dan 5 orang responden (8.3%) menyatakan tiada menerima bimbingan samada dari ibubapa atau penjaga mereka untuk membaca al-Quran di rumah. Manakala di ATCKL pula, seramai 17 orang responden (28.3%) menyatakan selalu menerima bimbingan ibubapa/penjaga mereka, 6 responden (10%) menyatakan kadang-kadang, 5 orang responden (8.3%) jarang menerima bimbingan dan 2 orang responden (3.4%) tidak menerima bimbingan ibubapa/penjaga mereka untuk membaca al-Quran di rumah. Dapatan tersebut juga menunjukkan seramai 31 orang responden (51.6%) selalu menerima bimbingan dari ibubapa mereka untuk membaca al-Quran di rumah masing-masing.

4.5 Analisis Keseluruhan Bacaan al-Quran Responden

Kajian ini telah dilakukan ke atas 30 orang responden di SK Segambut, Kuala Lumpur dan 30 orang responden di ATCKL bagi mengukur tahap kemampuan bacaan al-Quran responden. Berikut merupakan analisis keseluruhan bacaan al-Quran responden bagi teknik *Iqra'* dan teknik *Al-Baghdadi* seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 4.16 Prestasi Keseluruhan Tahap Bacaan al-Quran Responden

| <i>Statistik (n=60)</i> | <i>Teknik Iqra'</i> | <i>Teknik Al-Baghdadi</i> |
|-----------------------------|---------------------|---------------------------|
| Min | 68.6 | 77.2 |
| Median | 69.5 | 78 |
| Sisihan Piawai | 13.5 | 10.7 |
| Skor Minimum | 24 | 49 |
| Skor Maksimum | 91 | 96 |

Merujuk jadual di atas, dapat dirumuskan bahawa secara keseluruhannya tahap kemampuan bacaan asas al-Quran kesemua responden dari ATCKL berada di tahap tinggi dengan skor Min=77.2 dan SD=10.7 berbanding dengan keputusan keseluruhan responden dari SK Segambut yang memperoleh skor Min=68.6 dengan SD=13.5. Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa tahap bacaan asas al-Quran responden teknik *Al-Baghdadi* berada di tahap tinggi manakala tahap bacaan asas al-Quran responden teknik *Iqra'* berada di tahap sederhana.

4.5.1 Analisis Keseluruhan Keputusan Ujian Bacaan al-Quran Responden Teknik *Iqra'*

Jadual berikutnya pula merupakan perincian analisis keputusan ujian bacaan al-Quran bagi keseluruhan responden teknik *Iqra'* seperti di bawah:

Jadual 4.17 Analisis Keseluruhan Keputusan Ujian Bacaan al-Quran Responden Teknik *Iqra'*

| <i>Markah</i> | <i>Gred</i> | <i>Kekerapan</i> |
|----------------------------|-------------|------------------|
| 70-100 (Baik) | A | 15 |
| 35-69 (Sederhana) | B | 14 |
| 1-34 (Lemah) | C | 1 |
| Min Keseluruhan | | 68.6 |
| Sisihan Piawai Keseluruhan | | 13.5 |

Jadual di atas menunjukkan seramai 15 orang responden dari SK Segambut memperoleh gred A, manakala 14 orang responden memperoleh gred B dan hanya seorang responden memperoleh gred C dengan Min keseluruhan 68.6 dan SD=13.5.

4.5.2 Analisis Keseluruhan Keputusan Ujian Bacaan al-Quran Responden Teknik *Al-Baghdadi*

Seterusnya adalah perincian analisis keputusan ujian bacaan al-Quran bagi keseluruhan responden teknik *Al-Baghdadi* seperti berikut:

Jadual 4.18 Analisis Keseluruhan Keputusan Ujian Bacaan al-Quran Responden Teknik *Al-Baghdadi*

| <i>Markah</i> | <i>Gred</i> | <i>Kekerapan</i> |
|----------------------------|-------------|------------------|
| 70-100 (Baik) | A | 25 |
| 35-69 (Sederhana) | B | 5 |
| 1-34 (Lemah) | C | 0 |
| Min Keseluruhan | | 77.2 |
| Sisihan Piawai Keseluruhan | | 10.7 |

Jadual di atas menunjukkan seramai 25 orang responden dari ATCKL memperoleh gred A manakala baki 5 orang responden memperoleh gred B dengan nilai Min keseluruhan adalah 77.2 dan SD=10.7.

4.6 Analisis Perbandingan Bacaan al-Quran Berdasarkan Keupayaan Menyebut Huruf *Hijāiyyah* dan Tanda Baris

4.6.1 Analisis Keseluruhan

Berikut merupakan analisis keseluruhan perbandingan bacaan al-Quran berdasarkan keupayaan menyebut huruf *Hijāiyyah* dan tanda baris di kedua-dua lokasi kajian yang mewakili teknik *Iqra'* dan *Al-Baghdadi*. Analisis komponen yang dinilai di dalam ujian lisan (*shafawi*) untuk bahagian ini adalah berdasarkan kepada betul sebutan huruf, betul sebutan tanda baris, betul sebutan makhraj huruf, baca dengan terang dan jelas serta tidak mengulang.

Jadual 4.19 Pencapaian Keseluruhan Ujian Keupayaan Menyebut Huruf *Hijāiyyah* Dan Tanda Baris

| <i>Statistik</i> (<i>n=60</i>) | <i>Teknik Iqra'</i> | <i>Teknik Al-Baghdadi</i> |
|-------------------------------------|---------------------|---------------------------|
| Min | 20.5 | 21.9 |
| Median | 21 | 22.5 |
| Sisihan Piawai | 2.5 | 2.1 |
| Skor Minimum | 13 | 17 |
| Skor Maksimum | 24 | 25 |

4.6.2 Tahap dan peratusan pencapaian keupayaan menyebut huruf *Hijāiyyah* dan tanda baris responden teknik *Iqra'* di SK Segambut, KL

Analisis selanjutnya adalah mengenai dapatan capaian tahap dan peratusan responden di SK Segambut, KL menerusi teknik *Iqra'* yang mana tahap keupayaan penguasaan responden teknik *Iqra'* ini dikategorikan kepada gred A (Baik), gred B (sederhana) dan gred C (lemah)²⁷⁸ seperti yang dinyatakan di dalam jadual di bawah:

Jadual 4.20 Tahap Dan Peratus Keupayaan Menyebut Huruf *Hijāiyyah* Dan Tanda Baris Responden Teknik *Iqra'* di SK Segambut, KL

| <i>Markah</i> | <i>Gred</i> | <i>Kekerapan</i> | <i>Peratus</i> |
|------------------|-------------|------------------|----------------|
| 18-25 (Baik) | A | 27 | 90 |
| 9-17 (Sederhana) | B | 3 | 10 |
| 1-8 (Lemah) | C | 0 | 0 |
| Min Keseluruhan | | | 20.5 |
| Sisihan Piawai | | | 2.5 |
| Jumlah | | 30 | 100 |

Jadual 4.20 menunjukkan seramai 27 orang responden (90%) memperoleh gred A bagi nilai markah tertinggi iaitu di antara 18 hingga 25 markah dan hanya 3 orang responden (10%) yang memperoleh gred B di antara nilai markah 9 hingga 17 markah. Nilai Min=20.5 dan SD=2.5.

4.6.3 Tahap dan peratusan pencapaian keupayaan menyebut huruf *Hijāiyyah* dan tanda baris responden teknik *Al-Baghdadi* di ATCKL

Analisis di bawah merupakan dapatan capaian responden di ATCKL yang menggunakan teknik *Al-Baghdadi* terhadap keupayaan mereka menyebut huruf *Hijāiyyah* dan tanda baris.

Analisis tersebut dapat disimpulkan berpandukan jadual di bawah:

²⁷⁸ Sekiranya terdapat satu kumpulan data di mana skornya mempunyai perbezaan yang luas, maka adalah lebih baik skor individu disatukan dalam beberapa kumpulan yang lebih kecil. Skor yang berselerak juga boleh disusun dengan mengumpulkan skor individu dalam kumpulan kecil dan perbezaan skor individu dikumpulkan mengikut julat kelas. Lihat Alias Baba, *Statistik Penyelidikan Dalam Pendidikan Dan Sains Sosial* (cet. Ke-3, Bangi: Penerbit UKM, 1999), 24.

Jadual 4.21 Tahap Dan Peratus Keupayaan Menyebut Huruf *Hijāiyyah* Dan Tanda Baris Responden Teknik *Al-Baghdadi* di ATCKL

| <i>Markah</i> | <i>Gred</i> | <i>Kekerapan</i> | <i>Peratus</i> |
|------------------|-------------|------------------|----------------|
| 18-25 (Baik) | A | 29 | 96.7 |
| 9-17 (Sederhana) | B | 1 | 3.3 |
| 1-8 (Lemah) | C | 0 | 0 |
| Min Keseluruhan | | | 21.9 |
| Sisihan Piawai | | | 2.1 |
| Jumlah | | 30 | 100 |

Berdasarkan jadual di atas, seramai 29 orang responden teknik *Al-Baghdadi* (96.7%) di ATCKL memperoleh gred A manakala hanya seorang responden (3.3%) sahaja yang memperoleh gred B bagi ukuran tahap keupayaan menyebut huruf *Hijāiyyah* dan tanda baris dengan nilai Min=21.9 dan SD=2.1.

4.6.4 Ujian –t Perbezaan Tahap Keupayaan Menyebut Huruf *Hijāiyyah* dan Tanda Baris

Penulis telah menggunakan analisis statistik ujian –t (*Independent Sample Test*) bagi melihat perbezaan tahap keupayaan responden bagi kedua-dua teknik yang dikaji terhadap tahap keupayaan mereka menyebut huruf *Hijāiyyah* dan tanda baris seperti jadual di bawah:

Jadual 4.22 Ujian –t Perbezaan Tahap Keupayaan Menyebut Huruf *Hijāiyyah* dan Tanda Baris

| Teknik | N | Min | SD | Nilai –t | df | Sig. (2 tailed) |
|--------------------|----------|------------|-----------|-----------------|-----------|------------------------|
| <i>Iqra'</i> | 30 | 20.5 | 2.5 | -2.337 | 58 | 0.023 |
| <i>Al-Baghdadi</i> | 30 | 21.9 | 2.1 | | | |

Signifikan pada aras keertian $p < 0.05$

Berdasarkan jadual 4.22 di atas menunjukkan hasil ujian nilai –t bagi perbandingan tahap keupayaan menyebut huruf *Hijāiyyah* dan tanda baris di antara responden teknik *Iqra'* dan teknik *Al-Baghdadi* ialah –t = -2.337 dan tahap signifikan $p = 0.023$. Tahap signifikan ini adalah lebih kecil daripada 0.05 ($p < 0.05$). Justeru, hipotesis nul (H_0^1) ditolak. Oleh demikian, terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap keupayaan menyebut

huruf *Hijāiyyah* dan tanda baris di antara responden teknik *Iqra'* dan teknik *Al-Baghdadi*. Skor Min tahap keupayaan menyebut huruf *Hijāiyyah* dan tanda baris responden teknik *Al-Baghdadi* (Min=21.9) adalah lebih tinggi daripada responden teknik *Iqra'* (Min=20.5). Dapatan ini juga menunjukkan responden yang mempelajari teknik *Al-Baghdadi* mempunyai tahap keupayaan menyebut huruf *Hijāiyyah* dan tanda baris yang tinggi berbanding responden yang mempelajari teknik *Iqra'*.

4.7 Analisis Perbandingan Bacaan al-Quran Berdasarkan Keupayaan Membaca Perkataan atau Kalimah

4.7.1 Analisis Keseluruhan

Analisis berikutnya adalah mengenai perbandingan keseluruhan bacaan al-Quran responden berdasarkan keupayaan responden membaca perkataan ataupun kalimah. Ciri-ciri yang dinilai melalui tahap bacaan ini adalah kepada betul sebutan dan betul bacaan kalimah, betul sebutan makhraj huruf, tidak mengulang serta baca dengan terang dan jelas. Berikut merupakan capaian keseluruhan keupayaan membaca perkataan atau kalimah responden teknik *Iqra'* dan *Al-Baghdadi*.

Jadual 4.23 Pencapaian Keseluruhan Ujian Keupayaan Membaca Perkataan Atau Kalimah

| <i>Statistik (n=60)</i> | <i>Teknik Iqra'</i> | <i>Teknik Al-Baghdadi</i> |
|-----------------------------|---------------------|---------------------------|
| Min | 17.46 | 19.76 |
| Median | 17.5 | 19.5 |
| Sisihan Piawai | 2.8 | 2.7 |
| Skor Minimum | 10 | 14 |
| Skor Maksimum | 23 | 25 |

4.7.2 Tahap dan peratusan pencapaian keupayaan membaca perkataan atau kalimah responden teknik *Iqra* ' di SK Segambut, KL

Analisis berikutnya adalah mengenai tahap peratusan keupayaan membaca perkataan atau kalimah responden teknik *Iqra* ' di SK Segambut, KL yang dapat dirumuskan melalui jadual di bawah:

Jadual 4.24 Tahap Dan Peratus Keupayaan Membaca Perkataan Atau Kalimah Responden Teknik *Iqra* ' di SK Segambut, KL

| <i>Markah</i> | <i>Gred</i> | <i>Kekerapan</i> | <i>Peratus</i> |
|------------------|-------------|------------------|----------------|
| 18-25 (Baik) | A | 15 | 50 |
| 9-17 (Sederhana) | B | 15 | 50 |
| 1-8 (Lemah) | C | 0 | 0 |
| Min Keseluruhan | | | 17.46 |
| Sisihan Piawai | | | 2.8 |
| Jumlah | | 30 | 100 |

Jadual 4.24 menunjukkan seramai 15 orang responden (50%) di SK Segambut, KL memperoleh gred A bagi pengukuran tahap keupayaan membaca perkataan atau kalimah sementara seramai 15 orang responden (50%) memperoleh gred B.

4.7.3 Tahap dan peratusan pencapaian keupayaan membaca perkataan atau kalimah responden teknik *Al-Baghdadi* di ATCKL

Jadual berikutnya adalah merupakan analisis tahap dan peratusan keupayaan membaca perkataan ataupun kalimah bagi responden teknik *Al-Baghdadi* di ATCKL seperti berikut:

Jadual 4.25 Tahap Dan Peratus Keupayaan Membaca Perkataan Atau Kalimah Responden Teknik *Al-Baghdadi* di ATCKL

| <i>Markah</i> | <i>Gred</i> | <i>Kekerapan</i> | <i>Peratus</i> |
|------------------|-------------|------------------|----------------|
| 18-25 (Baik) | A | 25 | 83.3 |
| 9-17 (Sederhana) | B | 5 | 16.7 |
| 1-8 (Lemah) | C | 0 | 0 |
| Min Keseluruhan | | | 19.76 |
| Sisihan Piawai | | | 2.7 |
| Jumlah | | 30 | 100 |

Merujuk jadual 4.25 di atas, dapat dilihat bahawa seramai 25 orang responden (83.3%) dari ATCKL memperoleh gred A bagi ukuran tahap pencapaian mereka terhadap keupayaan membaca perkataan ataupun kalimah manakala baki seramai 5 orang responden (16.7%) memperoleh gred B.

4.7.4 Ujian –t Perbezaan Tahap Keupayaan Membaca Perkataan atau Kalimah

Analisis berikutnya merupakan hasil dapatan analisis ujian –t perbezaan tahap keupayaan responden teknik *Iqra'* dan *Al-Baghdadi* dari sudut membaca perkataan atau kalimah seperti di dalam jadual di bawah:

Jadual 4.26 Ujian –t Perbezaan Tahap Keupayaan Membaca Perkataan Atau Kalimah

| Teknik | N | Min | SD | Nilai –t | df | Sig. (2 tailed) |
|--------------------|----------|------------|-----------|-----------------|-----------|----------------------------|
| <i>Iqra'</i> | 30 | 17.46 | 2.8 | -3.174 | 58 | 0.002 |
| <i>Al-Baghdadi</i> | 30 | 19.76 | 2.7 | | | |

Signifikan pada aras keertian $p < 0.05$

Jadual 4.26 menunjukkan hasil ujian nilai –t bagi perbandingan tahap keupayaan membaca perkataan atau kalimah di antara responden teknik *Iqra'* dan teknik *Al-Baghdadi* ialah $-t = -3.174$ dan tahap signifikan $p = 0.002$. Tahap signifikan ini adalah lebih kecil daripada 0.05 ($p < 0.05$). Justeru, hipotesis nul (H_0^2) ditolak. Oleh demikian, terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap keupayaan membaca perkataan atau kalimah di antara kedua-dua kumpulan responden. Skor Min tahap keupayaan membaca perkataan atau kalimah responden teknik *Al-Baghdadi* (Min=19.76) adalah lebih tinggi daripada responden teknik *Iqra'* (Min=17.46). Dapatan ini juga menunjukkan responden yang mempelajari teknik *Al-Baghdadi* mempunyai tahap keupayaan membaca perkataan atau kalimah yang tinggi berbanding responden yang mempelajari teknik *Iqra'*.

4.8 Analisis Perbandingan Bacaan al-Quran Berdasarkan Keupayaan Membaca Ayat al-Quran

4.8.1 Analisis Keseluruhan

Analisis seterusnya adalah mengenai perbandingan bacaan al-Quran berdasarkan keupayaan responden membaca ayat al-Quran. Ciri-ciri yang diambil kira bagi menilai keupayaan tersebut adalah betul sebutan atau bacaan, membaca dengan terang dan jelas, tidak terhenti atau tersangkut serta membaca dengan cermat dan lancar. Jadual di bawah merupakan hasil analisis perbandingan bacaan al-Quran responden yang dapat dirumuskan seperti berikut:

Jadual 4.27 Pencapaian Keseluruhan Ujian Keupayaan Membaca Ayat al-Quran

| Statistik (n=60) | Teknik <i>Iqra'</i> | Teknik <i>Al-Baghdadi</i> |
|---------------------|---------------------|---------------------------|
| Min | 16.46 | 18.7 |
| Median | 17 | 19 |
| Sisihan Piawai | 4.1 | 3.0 |
| Skor Minimum | 0 | 10 |
| Skor Maksimum | 23 | 24 |

4.8.2 Tahap dan peratusan pencapaian keupayaan membaca ayat al-Quran responden teknik *Iqra'* di SK Segambut, KL

Jadual berikut merupakan hasil analisis tahap dan peratusan pencapaian keupayaan membaca ayat al-Quran responden teknik *Iqra'* di SK Segambut, KL iaitu:

Jadual 4.28 Tahap Dan Peratus Keupayaan Membaca Ayat al-Quran Responden Teknik *Iqra'* di SK Segambut, KL

| Markah | Gred | Kekerapan | Peratus |
|------------------|------|-----------|------------|
| 18-25 (Baik) | A | 11 | 36.6 |
| 9-17 (Sederhana) | B | 17 | 65.7 |
| 1-8 (Lemah) | C | 2 | 6.7 |
| Min Keseluruhan | | | 16.46 |
| Sisihan Piawai | | | 4.1 |
| Jumlah | | 30 | 100 |

Melalui jadual di atas, seramai 11 orang responden (36.6%) dari SK Segambut, KL memperoleh gred A terhadap penilaian tahap keupayaan mereka membaca ayat al-Quran, 17 orang responden (56.7%) memperoleh gred B dan 2 orang responden (6.7%) memperoleh gred C.

4.8.3 Tahap dan peratusan pencapaian keupayaan membaca potongan ayat al-Quran responden teknik *Al-Baghdadi* di ATCKL

Berikut pula adalah analisis tahap dan peratusan pencapaian keupayaan membaca ayat al-Quran dalam kalangan responden teknik *Al-Baghdadi* di ATCKL.

Jadual 4.29 Tahap Dan Peratus Keupayaan Membaca Ayat al-Quran Responden Teknik *Al-Baghdadi* di ATCKL

| <i>Markah</i> | <i>Gred</i> | <i>Kekerapan</i> | <i>Peratus</i> |
|------------------|-------------|------------------|----------------|
| 18-25 (Baik) | A | 21 | 70 |
| 9-17 (Sederhana) | B | 9 | 30 |
| 1-8 (Lemah) | C | 0 | 0 |
| Min Keseluruhan | | | 18.7 |
| Sisihan Piawai | | | 3.0 |
| Jumlah | | 30 | 100 |

Jadual di atas menunjukkan seramai 21 orang responden (70%) dari ATCKL memperoleh gred A dan baki 9 orang responden (30%) memperoleh gred B dalam penilaian terhadap keupayaan mereka membaca ayat al-Quran.

4.8.4 Ujian –t Perbezaan Tahap Keupayaan Membaca Ayat al-Quran

Hasil analisis ujian –t berikut menunjukkan perbezaan tahap keupayaan responden dari kedua-dua teknik yang dikaji terhadap keupayaan mereka membaca ayat al-Quran seperti di dalam jadual di bawah.

Jadual 4.30 Ujian –t Perbezaan Tahap Keupayaan Membaca Ayat al-Quran

| Teknik | N | Min | SD | Nilai –t | df | Sig. (2 tailed) |
|--------------------|----------|------------|-----------|-----------------|-----------|----------------------------|
| <i>Iqra'</i> | 30 | 16.46 | 4.1 | -2.374 | 58 | 0.021 |
| <i>Al-Baghdadi</i> | 30 | 18.7 | 3.0 | | | |

Signifikan pada aras keertian $p < 0.05$

Jadual 4.30 menunjukkan hasil ujian nilai –t bagi perbandingan tahap keupayaan membaca ayat al-Quran di antara responden teknik *Iqra'* dan teknik *Al-Baghdadi* ialah –t = -2.374 dan tahap signifikan $p = 0.021$. Tahap signifikan ini adalah lebih kecil daripada 0.05 ($p < 0.05$). Justeru, hipotesis nul (H_0^3) ditolak. Oleh demikian, terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap keupayaan membaca ayat al-Quran di antara kedua-dua kumpulan responden. Skor Min tahap keupayaan membaca ayat al-Quran responden teknik *Al-Baghdadi* (Min=18.7) adalah lebih tinggi daripada responden teknik *Iqra'* (Min=16.46). Dapatan ini juga menunjukkan responden yang mempelajari teknik *Al-Baghdadi* mempunyai tahap keupayaan membaca ayat al-Quran yang tinggi berbanding responden yang mempelajari teknik *Iqra'*.

4.9 Analisis Perbandingan Bacaan al-Quran Berdasarkan Keupayaan Membaca Ayat Dengan Hukum Tajwid

4.9.1 Analisis Keseluruhan

Analisis ini adalah berkaitan dengan perbandingan bacaan al-Quran responden berdasarkan keupayaan mereka membaca ayat dengan hukum tajwid. Ciri-ciri yang dinilai adalah terhadap hukum tajwid yang meliputi hukum Nun sakinah dan tanwin, Nun dan Mim *shiddah*, Mad dan bahagiannya, Qalqalah serta *waqaf* dan *ibtida'*. Berikut disertakan hasil analisis keseluruhan perbandingan bacaan al-Quran responden berdasarkan keupayaan

mereka membaca ayat al-Quran dengan hukum tajwid. Hasil analisis tersebut dapat dilihat melalui jadual di bawah:

Jadual 4.31 Pencapaian Keseluruhan Ujian Keupayaan Membaca Ayat Dengan Hukum Tajwid

| Statistik (n=60) | Teknik <i>Iqra'</i> | Teknik <i>Al-Baghdadi</i> |
|----------------------------|----------------------------|----------------------------------|
| Min | 14.16 | 16.86 |
| Median | 15 | 17 |
| Sisihan Piawai | 4.4 | 3.2 |
| Skor Minimum | 0 | 6 |
| Skor Maksimum | 21 | 22 |

4.9.2 Tahap dan peratusan pencapaian keupayaan membaca ayat dengan hukum tajwid responden teknik *Iqra'* di SK Segambut, KL

Analisis selanjutnya menunjukkan tahap dan peratusan pencapaian responden teknik *Iqra'* terhadap keupayaan mereka membaca ayat dengan hukum tajwid. Analisis berikut dapat dilihat melalui jadual 4.30 di bawah:

Jadual 4.32 Tahap Dan Peratus Keupayaan Membaca Ayat Dengan Hukum Tajwid Responden Teknik *Iqra'* di SK Segambut, KL

| <i>Markah</i> | <i>Gred</i> | <i>Kekerapan</i> | <i>Peratus</i> |
|------------------|-------------|------------------|----------------|
| 18-25 (Baik) | A | 6 | 20 |
| 9-17 (Sederhana) | B | 21 | 70 |
| 1-8 (Lemah) | C | 3 | 10 |
| Min Keseluruhan | | | 14.16 |
| Sisihan Piawai | | | 4.4 |
| Jumlah | | 30 | 100 |

Merujuk kepada jadual di atas, seramai 6 orang responden (20%) memperoleh gred A, manakala 21 orang responden (70%) memperoleh gred B sementara baki 3 orang responden (10%) memperoleh gred C.

4.9.3 Tahap dan peratusan pencapaian keupayaan membaca ayat dengan hukum tajwid responden teknik *Al-Baghdadi* di ATCKL

Berikut merupakan analisis mengenai tahap dan peratusan pencapaian responden teknik *Al-Baghdadi* terhadap keupayaan mereka membaca ayat al-Quran dengan dengan hukum tajwid seperti di dalam jadual di bawah:

Jadual 4.33 Tahap Dan Peratus Keupayaan Membaca Ayat Dengan Hukum Tajwid Responden Teknik *Al-Baghdadi* di ATCKL

| | <i>Markah</i> | <i>Gred</i> | <i>Kekerapan</i> | <i>Peratus</i> | |
|-----------------|---------------|-------------|------------------|----------------|-------|
| 18-25 | (Baik) | A | 14 | 46.7 | |
| 9-17 | (Sederhana) | B | 15 | 50 | |
| 1-8 | (Lemah) | C | 1 | 3.3 | |
| Min Keseluruhan | | | | | 16.86 |
| Sisihan Piawai | | | | | 3.2 |
| Jumlah | | | 30 | 100 | |

Jadual 4.33 di atas menunjukkan seramai 14 orang responden (6.7%) memperoleh gred A bagi pencapaian mereka terhadap keupayaan membaca ayat dengan hukum tajwid, 15 orang responden (50%) memperoleh gred B dan hanya seorang responden (3.3%) memperoleh gred C.

4.9.4 Ujian –t Perbezaan Tahap Keupayaan Membaca Ayat Dengan Hukum Tajwid

Ujian –t berikutnya adalah mengenai perbezaan responden dari kedua-dua teknik belajar membaca al-Quran terhadap keupayaan mereka membaca ayat al-Quran dengan hukum tajwid. Hasil analisis ujian –t tersebut adalah seperti berikut:

Jadual 4.34 Ujian –t Perbezaan Tahap Keupayaan Membaca Ayat Dengan Hukum Tajwid

| Kumpulan | N | Min | SD | Nilai –t | df | Sig. (2 tailed) |
|--------------------|----------|------------|-----------|-----------------|-----------|------------------------|
| <i>Iqra'</i> | 30 | 14.16 | 4.4 | -2.661 | 58 | 0.010 |
| <i>Al-Baghdadi</i> | 30 | 16.86 | 3.2 | | | |

Signifikan pada aras keertian $p < 0.05$

Jadual 4.34 menunjukkan hasil ujian nilai $-t$ bagi perbandingan tahap keupayaan membaca ayat al-Quran dengan tajwid di antara responden teknik *Iqra'* dan teknik *Al-Baghdadi* ialah $-t = -2.661$ dan tahap signifikan $p=0.010$. Tahap signifikan ini adalah lebih kecil daripada 0.05 ($p<0.05$). Justeru, hipotesis nul (H_0^4) ditolak. Oleh yang demikian, terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap keupayaan membaca ayat al-Quran dengan tajwid di antara kedua-dua kumpulan responden. Skor Min tahap keupayaan membaca perkataan atau kalimah responden teknik *Al-Baghdadi* (Min=16.86) adalah lebih tinggi daripada responden teknik *Iqra'* (Min=14.16). Dapatan ini juga menunjukkan responden yang mempelajari teknik *Al-Baghdadi* mempunyai tahap keupayaan membaca ayat al-Quran dengan tajwid yang tinggi berbanding responden yang mempelajari teknik *Iqra'*.

4.10 Analisis Perbezaan di Antara Kaedah Bacaan al-Quran Teknik *Iqra'* dan *Al-Baghdadi*

Setelah melakukan analisis terhadap kaedah bacaan al-Quran di antara teknik *Iqra'* dan *Al-Baghdadi*, penulis telah menemui beberapa perbezaan yang terdapat di antara kedua-dua teknik ini. Justeru, perkara-perkara yang menyumbang kepada perbezaan-perbezaan tersebut akan penulis nyatakan di sini bagi melihat sebab mengapa kaedah bacaan al-Quran teknik *Iqra'* kurang berkesan membantu golongan kanak-kanak mahir membaca al-Quran berbanding teknik *Al-Baghdadi*.

4.10.1 Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran

Dari sudut kaedah pengajaran dan pembelajaran, kaedah *Al-Baghdadi* amat sesuai digunakan dalam kelompok pelajar yang ramai. Ini adalah kerana tenaga pengajar akan mudah memantau kesalahan pelajar melalui ketidakseragaman bunyi berhenti ketukan.

Oleh yang demikian, tenaga pengajar akan mampu mengawal keseluruhan kelas pengajian di samping pelajar dapat memberi tumpuan yang tinggi menjadikan kelas pengajian yang berlangsung menyeronokkan dan yang pastinya pelajar akan mempelajarinya tanpa rasa jemu. Waktu pembelajaran juga akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

Berbanding dengan teknik *Iqra'*, konsep pengajian secara *Talaqqi Mushāfahah* pada hemat penulis kurang sesuai diaplikasi dalam kelompok pelajar yang ramai dalam satu-satu masa. Ini menyebabkan akan 'ada masa menunggu' di antara seorang pelajar dengan seorang pelajar yang lain. Namun, pengaplikasian 'murid turus' dilihat sebagai sesuatu yang sememangnya baik untuk diaplikasikan dan ianya sebagai nilai tambah kepada pelajar yang sudah mahir bagi membantu pelajar yang lemah dan kurang mahir. Pada hemat penulis juga, kaedah pengajaran dan pembelajaran adalah sesuatu yang amat penting dan perlu dititikberatkan supaya tahap penguasaan yang maksimum dapat dicapai sekaligus mutu pembelajaran al-Quran pelajar dapat ditingkatkan.

4.10.2 Bahan Bantu Mengajar

Terdapat perbezaan dari sudut penyediaan bahan bantu mengajar kedua-dua teknik ini. Sebanyak 5 bahan bantu mengajar yang direka sendiri oleh pengasasnya digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran seperti Buku Aktiviti Tamhid Al-Baghdadi, Set Al-Baghdadi Playtime, Cakera Padat Al-Baghdadi, Kad Imbasan Al-Baghdadi, Kit Box Al-Baghdadi di samping 'alat ketuk'nya mampu memantapkan lagi penguasaan pelajar terhadap teknik ini.

Manakala bagi teknik *Iqra'* pula, bahan bantu mengajar yang disediakan seperti penggunaan LCD dan Power Point, Kad Imbasan, Quran Digital, CD *Iqra'* beserta bahan muat turun *youtube* berupa nasyid animasi Alif Ba Ta hakikatnya sudah cukup untuk

membantu pelajar meningkatkan tahap pemahaman mereka terhadap teknik *Iqra'*. Walaubagaimanapun, guru perlu lebih kreatif lagi untuk menarik minat dan tumpuan pelajar dalam sesi pembelajaran yang melibatkan kumpulan pelajar yang ramai.

4.10.3 Penulisan Semula Huruf-huruf *Hijāiyyah* Dan Perkataan

Bagi memaksimumkan lagi tahap penguasaan dan kemahiran pelajar terhadap sesuatu pelajaran yang dipelajari, sudah tentu ianya akan melibatkan latih-tubi yang banyak. Begitu juga terhadap matapelajaran al-Quran, tidak kiralah dengan menggunakan mana-mana teknik pembelajaran al-Quran sekalipun. Dari sudut latih-tubi penulisan semula huruf-huruf *Hijāiyyah* dan perkataan, kedua-dua teknik asas belajar membaca al-Quran ini menyediakan latih-tubi kepada pelajar-pelajarnya.

Sekiranya diperhatikan kepada sukatan KSSR, latih tubi dari sudut penulisan semula huruf-huruf *Hijāiyyah* dan perkataan dimuatkan dalam sukatan pelajarannya bermula dari minggu pertama kelas al-Quran pelajar Tahun Satu. Sebagai amalan kebiasaan, guru akan menulis di papan hitam kemudian disalin semula oleh murid-murid di dalam buku latihan masing-masing. Guru-guru turut menulis di buku latihan murid-murid kemudian mereka menyalinnya semula di buku masing-masing.²⁷⁹

Berlainan dengan penulisan semula huruf-huruf *Hijāiyyah* dan perkataan bagi teknik *Al-Baghdadi*, satu set buku aktiviti Tamhid Al-Baghdadi mengandungi 9 jilid yang berasingan disediakan khas untuk pelajar-pelajarnya. Latih-tubi secara bertulis ini selalunya diaplikasikan kepada pelajar yang benar-benar lemah dan masih diperingkat asas mempelajari bacaan al-Quran.

²⁷⁹ Ustazah Salwani binti Hashim (Guru j-QAF SK Segambut, KL), dalam temubual bersama penulis.

4.10.4 Pengulangan Huruf, Perkataan Atau Ayat Yang Dibaca

Untuk memantapkan lagi tahap penguasaan pelajar terhadap teknik asas belajar membaca al-Quran, pengulangan kepada huruf, perkataan atau ayat yang dibaca perlu dilakukan berulang-ulang kali. Latih tubi pengulangan yang kerap akan mampu memberikan penguasaan pelajar di tahap maksima.

Bagi teknik *Iqra'*, pengulangan bacaan terhadap huruf, perkataan serta ayat yang dibaca dari buku *Iqra'* turut dilakukan secara berulang kali. Berpandukan kepada Rancangan Tahunan Pendidikan Islam Tahun Satu Bidang al-Quran, latihan tubi pengulangan sebutan huruf dan perkataan dilakukan dengan menggunakan kad huruf yang disediakan kemudian murid-murid akan menyebutnya. Latihan tubi membaca juga dilaksanakan secara kelas, kumpulan dan individu. Di setiap akhir pembelajaran, guru akan mengingatkan pelajar agar berterusan membuat latihan tubi bacaan di rumah dengan dibimbing oleh ibubapa bagi memantapkan lagi ingatan pelajar terhadap huruf-huruf *Hijā'iyah*, perkataan ataupun ayat yang dipelajari.

Manakala pengulangan semula huruf, perkataan atau ayat yang dibaca dalam kalangan pelajar teknik *Al-Baghdadi* dilakukan dengan cara mengulanginya beratus-ratus kali tanpa merasa jemu dan tanpa disedari oleh mereka. Menurut kebiasaan, latihan tubi bacaan yang diamalkan terhadap latihan-latihan di dalam buku *Tamhid Al-Baghdadi* adalah dengan cara membaca perkataan diiringi ketukan secara teratur bermula dari kiri ke kanan dan atas ke bawah. Menurut Ustaz Muhamad Azuan bin Khairudin pula, latihan tubi bacaan turut dilakukan dengan memaparkan mana-mana perkataan dari halaman latihan buku *Tamhid Al-Baghdadi* di papan skrin kemudian pelajar diminta menyebutnya beramai-ramai sambil mengetuk. Ini bagi memantapkan lagi daya ingatan pelajar tanpa memberi ruang kepada mereka 'menghafal' setiap perkataan.

4.10.5 Peruntukan Bilangan Jam Belajar

Jumlah peruntukan bilangan jam murid-murid Tahun Dua hingga Tahun Enam SK Segambut, KL mempelajari kelas Modul Al-Quran (termasuk kelas tasmik) adalah sebanyak 1 jam 30 minit (90 minit) seminggu sehingga 38 minggu sepanjang satu tahun pengajian mereka. Bagi murid Tahun Satu pula, jumlah jam belajar Modul Al-Quran adalah sebanyak 2 jam (120 minit) seminggu.

Manakala bagi pelajar teknik *Al-Baghdadi*, kelas pengajian yang disediakan di ATCKL adalah selama 2 jam setiap kali pertemuan dalam 3 kali seminggu. Ini bermakna, jumlah keseluruhan pelajar mempelajari teknik *Al-Baghdadi* adalah selama 6 jam seminggu. Disebabkan tempoh pertemuan dalam seminggu adalah lama, tidak hairanlah sekiranya pelajar yang mempelajari teknik *Al-Baghdadi* mampu menghabiskan sukatan keseluruhan buku Tamhid Al-Baghdadi sekaligus menguasainya hanya dalam tempoh masa 2 hingga 3 bulan sahaja.

4.11 Kesimpulan

Kesimpulannya, hasil ujian t yang dijalankan menunjukkan terdapat perbezaan tahap pencapaian asas bacaan al-Quran di antara kedua-dua kumpulan responden yang dikaji. Ini menunjukkan bahawa responden yang mempelajari teknik *Al-Baghdadi* adalah lebih baik tahap pencapaian mereka berbanding responden yang mempelajari teknik *Iqra'*. Oleh yang demikian, keempat-empat hipotesis nul ditolak disebabkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara kedua-dua teknik yang penulis kaji ini.

Hasil dapatan kajian ini juga menyokong *pilot project* yang dilakukan oleh pihak Al-Baghdadi Method Sdn. Bhd dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) bagi menilai sejauh mana keberkesanan teknik *Al-Baghdadi* terhadap pembelajaran al-

Quran di kalangan murid Tahun 1 di tiga buah sekolah Agama KAFA di bawah JAIS. Purata peningkatan sekolah-sekolah terpilih adalah sebanyak 275.25 %, 481.04% dan 375.58%. Min purata peningkatan bagi ketiga-tiga sekolah adalah sebanyak 377.29%. Kajian dilakukan dengan cara memberi ujian penilaian terhadap tahap bacaan murid-murid sebelum dan selepas sesi pembelajaran asas al-Quran menggunakan teknik *Al-Baghdadi*. Fokus terhadap kelas murid paling lemah sekali dalam tempoh masa hanya 15 hari.²⁸⁰

Begitu juga dengan beberapa testimoni yang telah dijalankan dalam kalangan kanak-kanak yang telah menunjukkan hasil yang sangat memberangsangkan selepas mereka mempelajari teknik *Al-Baghdadi*. Umpamanya adik Sofiyah Jamilah Binti Mohd Saidi, merupakan di antara kejayaan teknik *Al-Baghdadi* yang telah berjaya menghabiskan sukatan buku Tamhid Al-Baghdadi dalam masa 3 minggu sahaja ketika berusia 5 tahun serta memperuntukkan 1 minggu lagi untuk latih tubi atau ulangkaji potongan-potongan ayat. Beliau telahpun khatam al-Quran dalam tempoh 1 tahun, 1 bulan dan 1 minggu sahaja²⁸¹ pada Julai 2011.²⁸²

Tidak ketinggalan adik Nurul Athirah yang berusia 7 tahun sudah mampu membaca al-Quran dalam tempoh 22 hari selepas mempelajari teknik *Al-Baghdadi*. Manakala adik Aisyah Mahfuzah pula sudah mampu membaca al-Quran dalam tempoh 3 minggu dengan menggunakan teknik *Al-Baghdadi* serta turut berjaya khatam al-Quran 30 juzuk ketika berusia 5 tahun 11 bulan.²⁸³

Berdasarkan kepada contoh-contoh yang di atas, justeru tidak hairanlah mengapa pusat pengajian teknik *Al-Baghdadi* menjadi pilihan ibubapa untuk menghantar anak-anak mereka mempelajari al-Quran. Besar kemungkinan, akan lahir ramai lagi anak-anak yang

²⁸⁰ Jalaluddin dan Arlinda, "Teknik Al-Baghdadi", 14 dan 16.

²⁸¹ *Ibid.*

²⁸² Albaghdadi Kuala Lumpur, dicapai 12 Mac 2013, www.facebook.albaghdadikualalumpur.com

²⁸³ *Ibid.*

bakal menjadi idola dan ikutan kanak-kanak seusia mereka yang mampu membaca al-Quran dengan baik.